



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(55)

Tarikh : 3 Mac 2013

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN LANDSKAP PADA 3.3.13

Alor Setar, 3 Mac 2013 – 3.3.13 (three, three, one three) tarikh Sambutan Hari Landskap bertemakan 1Malaysia: Komuniti Penggerak Negara Taman di rasmikan oleh Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tema ini adalah berasaskan Teras 1, Dasar Landskap Negara (DLN) - Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap yang memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai dan mencintai landskap bagi memacu usaha ke arah Negara Taman Terindah.

Sambutan HLN pada tahun ini disambut pada pada tarikh 3.3. Sekiranya diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris "Three,Three" seperti "Tree,Tree" yang bermaksud pokok. Secara tidak langsung ia melambangkan Sambutan HLN tidak dapat dipisahkan dengan usaha-usaha penanaman pokok untuk memelihara kehijauan alam sekitar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) menyambut HLN ini secara tahunan dengan tujuan:

- mengingatkan setiap dari kita bahawa kita merupakan khalifah di atas muka bumi ini yang berperanan untuk memelihara alam sekitar
- mendidik generasi muda akan kepentingan alam semulajadi dalam menyokong kesejahteraan hidupan di atas muka bumi ini
- mempertingkatkan kesedaran umum tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan

tahap kehijauan kualiti landskap dan alam sekitar yang menyumbang kepada persekitaran yang sihat, selamat dan indah di seluruh negara.

Aktiviti sambutan HLN di Alor Setar, Kedah ini telah bermula dari 1 Mac lagi dan berakhir pada hari ini, 3 Mac dimeriahkan dengan aktiviti berikut:

- senamrobik dan rekreasi ke arah budaya hidup sihat
- pelancaran Sambutan HLN 2013 pada 3 Mac 2013
- gotong-royong membaik pulih, menyelenggara dan membersihkan kawasan taman
- penanaman pokok oleh VIP dan komuniti
- pameran JLN dan agensi lain serta kiosk jualan produk landskap

Sambutan ini akan berterusan sehingga 30 September 2013 (tarikh pelancaran Dasar Landskap Negara) dengan pengisian program kolaborasi bersama JLN dan agensi lain.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my